

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK  
[LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9382**

**SOALAN :**

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah serta usaha yang telah diambil oleh kerajaan dalam mengekang aktiviti militan Daesh.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perlakuan keganasan di seluruh dunia pada masa kini jelas memperlihatkan bahawa ancaman itu adalah nyata dan semakin menular. Untuk itu, Kerajaan sentiasa komited untuk memerangi ancaman keganasan yang berkaitan dengan kegiatan kumpulan pengganas Daesh. Bagi menunjukkan komitmen kerajaan, pelbagai usaha dan tindakan telah dan sedang dilakukan bagi menjayakan matlamat memerangi ancaman kumpulan pengganas ini. Antara usaha saya maksudkan adalah seperti berikut:

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak Polis telah membuat pemantauan rapi dan menjelaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;
- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;

- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan ***Advanced Passenger Screening System (APSS)*** yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;
- 4) Kerajaan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan;
- 5) Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan Polis DiRaja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;
- 6) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang; dan

**7) Menahan mereka di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).**

**Sebelum saya mengakhiri jawapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di atas kejayaan mereka mengekang elemen-elemen kumpulan pengganas Daesh ini daripada terus berkembang di negara ini. Walaupun negara kita pernah digemparkan dengan insiden serangan bom tangan yang berlaku di Puchong pada 28 Jun 2016, saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa keselamatan negara masih lagi berada di tahap baik dan terkawal.**

**Saya juga ingin menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia untuk sama-sama berganding bahu memerangi kumpulan pengganas Daesh ini dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Sesungguhnya tanggungjawab menjaga keselamatan negara adalah tanngungjawab kita bersama.**